

Tahniah Kepada Semua Peserta
Institusi Pengajian Tinggi

Ahli Pengasih

Raihan



MOHD. YUNUS PATHI (belakang, lima dari kanan) beramah mesra bersama para pelajar yang menyertai program rangkaian Sahabat Pengasih bersama Universiti tempatan di Dewan Adam, Persatuan Pengasih Malaysia, Bukit Tunku, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Pengasih kembang keahlian bersama pelajar

KUALA LUMPUR 21 Dis. – Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih) melaksanakan program bersama institusi pengajian tinggi (IPT) bagi menggalakkan penyertaan mahasiswa dalam aktiviti berbentuk kesiarakan.

Presidennya, Datuk Mohd. Yunus Pathi berkata, program tersebut diharap dapat membantu mahasiswa lebih memahami isu-isu berkaitan dadah.

“Program ini akan memberi peluang kepada pelajar untuk lebih memahami isu-isu berkaitan dengan dadah, khususnya aspek rawatan dan pencegahan,” katanya dalam sidang akhbar selepas penutupan Program Rangkaian Sahabat

Pengasih, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Presiden Pengasih, Abdullah Mohd. Nor; Setiausaha Kehormat Pengasih, Roslan Yahya; Pengarah Latihan Pengasih, Hafizi Harun dan Pengurus Program Rangkaian Sahabat Pengasih, Azman Abdul Rahman.

Dalam pada itu, Mohd. Yunus memberitahu, Pengasih akan terus membantu kerajaan menangani masalah penyalahgunaan dadah termasuk memberikan pendidikan moral dan motivasi kepada mereka yang terjebak dengan gejala itu.

“Kami akan terus melaksanakan program sebegini dan mengajak lebih ramai lagi sukarelawan

daripada pelbagai latar belakang untuk menjayakan agenda kerajaan memerangi gejala dadah,” katanya.

Menurutnya, seramai 60 peserta dari lapan buah universiti termasuk Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menghadiri empat bengkel anjuran Pengasih yang diadakan secara berperingkat sejak November lalu.

“Kami dapat kebanyakan daripada mereka yang menyertai program tersebut lebih prihatin dengan keperluan sosial masyarakat dan berpandangan jauh dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan,” ujarnya.



Program ini akan memberi peluang kepada pelajar untuk lebih memahami isu-isu berkaitan dengan dadah, khususnya aspek rawatan dan pencegahan.”

MOHD. YUNUS PATHI
Presiden Persatuan Pengasih Malaysia